

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM UNTUK MERAIKAN  
TYT RYUTARO HASHIMOTO PERDANA MENTERI JEPUN

TEMPAT: SRI PERDANA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 08 JAN 1997

MASA:

1. Saya ucapkan selamat datang dan mengalu-alukan lawatan Tuan Yang Terutama dan anggota-anggota rombongan ke Malaysia. Lawatan Tuan Yang Terutama adalah kena pada waktunya dan memberi peluang yang baik bagi Malaysia dan Jepun untuk berbincang demi meningkatkan lagi hubungan yang erat di antara kedua-dua negara.

2. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama atas perlantikan semula Tuan Yang Terutama sebagai Perdana Menteri Jepun. Kami mengikuti dengan penuh minat usaha-usaha yang bersungguh-sungguh oleh Kerajaan Jepun untuk melaksanakan reformasi pentadbiran dan ekonomi. Pengalaman kami menunjukkan bahawa memang banyak halangan yang akan dihadapi dalam melaksanakan reformasi pentadbiran. Saya tidak syak bahawa Tuan Yang Terutama akan berjaya dalam usaha ini.

3. Hubungan Malaysia-Jepun telah berkembang pesat sejak Malaysia mengadakan hubungan diplomatik dengan Jepun kira-kira empat dekad yang lalu. Saya suka menyatakan bahawa dasar pragmatik sentiasa menjadi ciri-ciri penting dalam hubungan antara kedua-dua negara kita. Hasilnya menguntungkan kedua-dua pihak -- Jepun sebagai sumber pelaburan, Malaysia sebagai pasaran penting dan sumber bahan-bahan mentah kepada Jepun. Jepun juga telah banyak menyumbang kepada kemajuan perindustrian Malaysia serta kemakmuran dan kemajuan sosio-ekonomi negara ini. Saya harap Jepun akan terus menjadi rakan pembangunan Malaysia dan membantu kami mencapai cita-cita untuk menjadi negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

4. Dalam bidang perdagangan dua hala, jumlahnya telah meningkat lebih dua kali ganda daripada RM31.6 billion pada 1990 kepada RM76.5 billion pada 1995. Jepun hari ini adalah rakan dagang terbesar Malaysia dengan jumlahnya kira-kira 20 peratus daripada dagangan dunia kami. Jepun juga merupakan pasaran eksport terbesar ketiga Malaysia. Walaupun imbalan perdagangan lebih menguntungkan Jepun, saya berharap dengan adanya proses liberalisasi yang sedang berjalan di Jepun, import barangan Malaysia ke Jepun akan meningkat terutamanya

barangan perkilangan. Syarikat-syarikat Jepun dan firma-firma usahasama di Malaysia hendaklah juga digalakkan supaya menggunakan lebih banyak bahan tempatan untuk produk mereka di sini. Dengan ini adalah diharapkan ia akan dapat membantu mengimbangkan perdagangan di antara kedua-dua negara.

5. Pelaburan Jepun di Malaysia terus meningkat dan pada hari ini Jepun adalah pelabur asing terbesar di Malaysia dengan pelaburan modal berkumpul berjumlah RM25.3 billion bagi tempoh 1980 hingga Oktober 1996.

6. Malaysia kini sedang melalui perubahan yang besar hasil daripada pertumbuhan ekonominya yang pesat. Untuk memperbaiki kehidupan rakyat, kita berhajat untuk meneruskan pertumbuhan ini. Malaysia baru-baru ini melancarkan Pelan Induk Perindustrian Kedua, iaitu satu pelan untuk memandu negara melangkah ke abad ke-21. Malaysia boleh mendapat manfaat daripada kemajuan ekonomi dan teknikal Jepun yang lebih tinggi dan mengalu-alukan kerjasama Jepun untuk mencapai matlamat kami. Pelaburan Jepun terutama industri kecil dan sederhana yang mengeluarkan komponen sofistikated dan berintensifkan modal dan teknologi tinggi amat dialu-alukan terutamanya jika diusahakan secara usahasama dengan syarikat-syarikat Malaysia. Khususnya, kami mengalu-alukan penyertaan syarikat-syarikat IT Jepun di dalam Koridor Raya Multimedia.

7. Satu aspek penting dalam kerjasama Malaysia-Jepun ialah dalam bidang pembangunan sumber manusia. Sokongan Jepun terhadap Dasar Pandang ke Timur telah membolehkan kira-kira 5,000 pelajar dan pelatih Malaysia belajar serta memperolehi kemahiran praktikal di institusi-institusi Jepun. Pelajar-pelajar ini bukan sahaja menguntungkan Malaysia tetapi juga syarikat-syarikat Jepun di Malaysia yang mendapati mereka adalah pekerja yang berkebolehan. Kami bercadang untuk meneruskan Dasar Pandang ke Timur ini dan berharap Jepun akan menyediakan lebih banyak lagi tempat di universiti-universiti dan institusi-institusi latihannya. Saya suka menyatakan di sini bahawa walaupun kami memandangi ke Timur, kami hanya mempunyai kira-kira 2,000 pelajar pada satu-satu masa di Jepun. Kami mempunyai lebih daripada 60,000 pelajar di negara Barat dan negara-negara lain sepanjang masa.

8. Dalam hubungan di antara Jepun dan Malaysia, sektor swasta telah memainkan peranan yang besar. Dialog-dialog sering diadakan di antara mereka dan mereka telah membantu dalam mengemukakan perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh Kerajaan. Kami berharap kerjasama di antara mereka akan berterusan dan mereka juga akan bekerjasama di antara satu sama lain di negara-negara ketiga. Sokongan Kerajaan Jepun dalam usaha-usaha ini sudah pasti memberi faedah bukan sahaja kepada Jepun dan Malaysia

tetapi juga kepada negara-negara ketiga yang berkenaan.

9. Akhir kata, sekali lagi saya mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama dan anggota-anggota rombongan ke Malaysia. Saya berharap Tuan Yang Terutama akan berasa gembira dan mempunyai kenangan manis ketika berada di Kuala Lumpur dan Tuan Yang Terutama akan meluangkan masa untuk melawat Malaysia lagi.